

Soalan Lazim Pengeluaran Fleksibel

- 1. Apakah itu Pengeluaran Fleksibel?**
Pengeluaran Fleksibel membolehkan anda membuat beberapa pengeluaran daripada Akaun Simpanan Tetap atau Akaun Simpanan Tetap-i (FD/-i) anda sebelum tarikh matang.
- 2. Adakah ini terpakai untuk semua tempoh?**
Ya, ia terpakai untuk semua tempoh.
- 3. Berapakah jumlah pengeluaran minimum daripada Pengeluaran Fleksibel?**
Pengeluaran minimum setiap pengeluaran ialah RM1,000 dan dalam gandaan RM1,000. Ini tertakluk kepada baki minimum yang diperlukan untuk tempoh yang berkenaan, jika tidak akaun mesti ditarik balik dan ditutup.
- 4. Berapakah jumlah minimum yang perlu saya kekalkan dalam FD/-i?**
Anda hanya perlu mengekalkan minimum RM5,000 untuk tempoh 1 bulan dan RM1,000 untuk tempoh dua bulan dan ke atas.
- 5. Bolehkah pengeluaran dilakukan secara dalam talian melalui CIMB Clicks?**
Tidak, buat masa ini pengeluaran hanya boleh dilakukan di kaunter sahaja di cawangan CIMB.
- 6. Bolehkan saya melakukan pengeluaran FD/-i melalui CIMB Clicks?**
Tidak, buat masa ini pengeluaran fleksibel tidak terpakai kepada eFD.
- 7. Bolehkan saya melakukan pengeluaran FD/-i untuk deposit yang telah diambil sebagai cagaran untuk kemudahan overdraf atau kemudahan talian tunai?**
Tidak, pengeluaran tidak dibenarkan dalam kes ini kerana deposit telah dijadikan sebagai cagaran.
- 8. Apakah jenis FD/-i yang boleh digunakan untuk pengeluaran fleksibel?**
Kemudahan ini boleh digunakan untuk seperti berikut:
 - (i) Simpanan Tetap (FD)
 - (ii) Simpanan Tetap-i (Maturity Returns)
 - (iii) Simpanan Tetap-i (Monthly Returns)